

Friso® Gold Malaysia
Peraduan Kembara Pertamaku 2025
Terma & Syarat

Kelayakan dan Tempoh Peraduan

1. Friso® Gold Malaysia Peraduan Kembara Pertamaku (“Peraduan”) akan berlangsung dari 1 Mac 2025 (10:00 pagi) hingga 30 April 2025 (11:59 malam) (“Tempoh Peraduan”). Friso® Gold Malaysia (“Penganjur”) berhak untuk memendekkan atau melanjutkan Tempoh Peraduan tanpa mengeluarkan notis awal. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta dianggap bersetuju untuk terikat dengan sebarang perubahan yang sedemikian. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan secara automatik. Keputusan Penganjur adalah muktamad dan mengikat, justeru sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.

2. Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan pemastautin tetap Malaysia yang mempunyai anak berusia antara 2 hingga 6 tahun (pada 1 Mac 2025) kecuali kakitangan dan ahli keluarga terdekat Penganjur, termasuk kakitangan dan ahli keluarga terdekat syarikat gabungan dan/atau syarikat berkaitan, pengedar, pengiklanan, mempengaruhi, dan agensi promosi. Dengan menyertai Peraduan ini, anda dianggap bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat yang terkandung di sini. Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan, kerosakan atau perbelanjaan yang timbul daripada penyertaan anda, atas apa jua alasan sekalipun.

3. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan diri. Dengan menyertai Peraduan ini, anda dianggap bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat yang terkandung di sini. Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan, kerosakan atau perbelanjaan yang timbul daripada penyertaan anda, atas apa jua alasan sekalipun.

Langkah Penyertaan

Langkah 1: Beli Friso® Gold Langkah 3 atau 4 di stor terpilih atau dari stor rasmi Friso® Gold di Shopee dan Lazada (di kedai atau dalam talian). Simpan resit anda! (“Bukti Pembelian”) (1 resit = 1 penyertaan)

- **Friso® Gold Langkah 3:** 600g / 900g / 1.2kg
- **Friso® Gold Langkah 4:** 600g / 900g / 1.2kg

Langkah 2: WhatsApp butiran anda ke 018-3529926:

1. Nama penuh:
2. Nombor MyKad/MyPR:
3. Nombor telefon:
4. Pemegang media sosial (nama akaun) dan platform:
5. Gambar resit anda (“Bukti Pembelian”):

Langkah 3: Rakam foto anda dan Si Manja mengikut SALAH SATU tema peraduan seperti di bawah. Friso® Gold mesti berada dalam foto anda. **Pek sebenar Friso® Gold mesti kelihatan dalam foto. Sebarang pek yang disunting atau ditambah secara digital akan dianggap tidak sah.**

1. Menyambut tradisi perayaan
2. Mencuba makanan baharu
3. Meneroka alam

Langkah 4: MUAT NAIK penyertaan ke platform media sosial anda.

1. **Tag @frisogoldmy** di Facebook, Instagram atau TikTok bersama **#frisogoldkembarapertamaku**
2. Tulis kapsyen pada foto anda

Langkah 5: Hantar seberapa banyak penyertaan paling kreatif untuk meningkatkan peluang anda memenangi Hadiah Utama!

4. Semua penyertaan mestilah diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 11:59 malam pada 30 April 2025 untuk dikira layak.

Untuk hadiah mingguan, Penganjur menerima penyerahan penyertaan pada atau sebelum 11.59pm tarikh terakhir Peraduan Kembara Pertamaku seperti yang tertera di bawah.

Jadual Minggu Peraduan Kembara Pertamaku

Minggu 1: 1 Mac - 9 Mac 2025

Minggu 2: 10 Mac - 16 Mac 2025

Minggu 3: 17 Mac - 23 Mac 2025

Minggu 4: 24 Mac - 30 Mac 2025

Minggu 5: 31 Mac - 6 Apr 2025

Minggu 6: 7 Apr - 13 Apr 2025

Minggu 7: 14 Apr - 20 Apr 2025

Minggu 8: 21 Apr - 30 Apr 2025

Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan yang tidak lengkap, tidak jelas, tidak boleh dibaca dan lewat. Penganjur dan syarikat yang terlibat dalam Peraduan ini tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara untuk sebarang kelewatan, ketidakserahan dan/atau gangguan visual yang dihantar atau diterima melalui mana-mana akaun Facebook, Instagram, atau TikTok yang berkenaan dengan Peraduan. Individu yang melanggar mana-mana peraturan, mendapat kelebihan yang tidak adil dalam menyertai Peraduan, atau memperolehi status Pemenang dengan menggunakan sebarang cara penipuan akan hilang kelayakan kemenangan. Tingkah laku yang tidak mencerminkan semangat bertanding yang positif, menimbulkan gangguan, menjengkelkan, mengancam atau mengugut adalah dilarang sama sekali.

5. Setiap Resit (“Bukti Pembelian”) hanya boleh ditebus sekali dan tidak boleh digunakan semula.

6. Peserta perlu menyimpan Resit Asal (“Bukti Pembelian”) bagi tujuan pengesahan.

7. Tanpa mengetepikan yang di atas, setelah menerima Penyertaan dan/atau selepas pemilihan Pemenang, mengikut mana-mana yang berkenaan,

Penganjur berhak untuk meminta bukti lanjut untuk tujuan pemrosesan Penyertaan termasuk salinan cetak resit asal (“Bukti Pembelian”) dan dokumen pengenalan diri untuk pengesahan sebelum penghantaran Hadiah dilakukan. Kegagalan untuk mengemukakan mana-mana dokumen di atas dalam tempoh masa yang ditetapkan akan mengakibatkan Pemenang kehilangan kelayakan dan pelucutan hak ke atas Hadiah.

Garis Panduan Jenama (Dianjurkan dan Dilarang)

DIANJURKAN

- Sentiasa berpakaian dalam Friso® Gold blue (biru diraja). Warna biru lain memerlukan kelulusan terlebih dahulu (warna putih, neutral atau emas juga sesuai untuk dipadankan bersama)
- Sentiasa berpakaian sopan dan sesuai sebagai ibu/ayah untuk mewakili ibu bapa yang progresif
- Pastikan penampilan ibu bapa dan anak adalah kemas, rapi dan sepadan
- Sentiasa rakam video dalam pencahayaan semula jadi yang terang (tetapan yang ideal adalah di alam semula jadi di luar rumah)
- Sentiasa tampilkan produk Friso® Gold secara semula jadi
- Pastikan anak-anak sentiasa berinteraksi dengan alam semula jadi/ibu bapa
- Kanak-kanak yang dipaparkan mestilah berumur antara 2-6 tahun sahaja (jangan dukung/pegang anak seperti bayi)
- Gelas lutsinar (tanpa logo/imej) boleh digunakan untuk mempamerkan susu Friso® Gold
- Friso® Gold mesti sentiasa dieja sebagai Friso® Gold

DILARANG

- Jangan menyebut jenama atau ciri jenama lain
- Elakkan grafik/cetakan/nama jenama pada pakaian
- Jangan berpakaian seperti Profesional Penjagaan Kesihatan (contoh; kot makmal putih, stetoskop, dll.)
- Elakkan daripada memaparkan produk bayi (contoh; puting botol, botol bayi, mainan bayi, puting kosong); hanya tampilkan item untuk kanak-kanak kecil (contoh; cawan minuman)
- Elakkan daripada memaparkan susu formula bayi/bayi
 - susu formula bayi (untuk bayi 0-12 bulan) termasuk formula sedia untuk disuap;
 - formula susulan (untuk bayi 6 bulan hingga 3 tahun) termasuk formula sedia untuk disuap;
 - formula khas (formula bayi atau susulan untuk tujuan pemakanan atau perubatan khas) termasuk formula sedia untuk disuap;
 - sebarang produk yang diwakili atau dipasarkan untuk bayi hingga umur 6 bulan
- Jangan biarkan kanak-kanak bersendirian - semua aktiviti perlu dilakukan bersama
- Elakkan membuat dakwaan yang luar biasa (contoh; kekuatan super) atau kenyataan yang mencadangkan produk dapat menyembuhkan masalah usus
- Elakkan meletakkan produk Friso® Gold di hadapan dan dalam suasana yang tidak bersesuaian
 - Jangan tampilkan bayi di bawah 12 bulan
 - Jangan bandingkan Friso® Gold dengan susu ibu kerana ia tidak dibenarkan

Pemilihan Pemenang

1. Peserta yang memenuhi semua syarat peraduan (rujuk Cara Penyertaan) akan dipertimbangkan untuk Hadiah Utama. TIGA (3) peserta akan dipilih oleh hakim kami sebagai pemenang teratas berdasarkan penyertaan paling kreatif daripada segi kandungan keseluruhan.
2. Setiap Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang disukai.
3. Pemenang dikehendaki menghubungi Penganjur menerusi Peti Masuk halaman Instagram (<https://www.instagram.com/frisogoldmy>) (Mesej) dan memberikan butiran yang diperlukan seperti di bawah dalam tempoh LIMA (5) hari bekerja dari tarikh Pengumuman Pemenang untuk mengesahkan pennebusan hadiah.
 1. Nama penuh:
 2. Nombor MyKad/MyPR:
 3. Nombor telefon:
 4. Pemegang media sosial (nama akaun) dan platform:
 5. Gambar resit anda (“Bukti Pembelian”):
4. Sekiranya Pemenang gagal menghubungi Penganjur dalam tempoh LIMA (5) hari bekerja selepas tarikh Pengumuman Pemenang, Penganjur akan bertindak untuk memilih Pemenang lain. Penganjur tidak bertanggungjawab dan tidak akan bertanggungjawab sekiranya mana-mana Pemenang tidak dapat dihubungi akibat maklumat hubungan yang tidak sah yang diberikan oleh Peserta atau tidak dapat dihubungi atas apa jua alasan sekalipun.
5. Penganjur berhak untuk melantik pihak ketiga untuk menjalankan proses pengesahan Pemenang Layak dan penghantaran Hadiah. Peserta dengan ini bersetuju bahawa Penganjur boleh memberikan semua maklumat yang diperlukan kepada pihak ketiga bagi tujuan di atas.
6. Penganjur berhak meminta bukti usia Pemenang yang layak sebelum mereka disahkan sebagai Pemenang. Penganjur berhak untuk membatalkan hadiah bagi mana-mana Peserta yang tidak memberikan butiran yang diperlukan apabila menerima permintaan/makluman daripada Penganjur. Keputusan Penganjur adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.
7. Penganjur berhak untuk menolak sebarang penyertaan mengikut budi bicara mutlak tanpa perlu memberikan apa jua alasan sekalipun.

Hadiah-hadiah

1. Hadiah TIDAK boleh ditukar, boleh dipindah milik, atau ditebus dalam sebarang bentuk lain atas apa jua alasan sekalipun.
2. Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlak untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan yang sama nilainya pada bila-bila masa tanpa mengeluarkan notis terlebih dahulu. Nilai Hadiah adalah betul pada masa cetakan. Semua Hadiah diberikan atas dasar "seadanya".
3. Pemenang hanya layak memenangi SATU (1) Hadiah Utama dan SATU (1) Hadiah Mingguan semasa Tempoh Peraduan.

Hadiah Utama untuk TIGA (3) pemenang:

Percutian 7 Hari 6 Malam ke Belanda untuk 4 sekeluarga*

*2 dewasa dan 2 kanak-kanak berusia antara 2 hingga 6 tahun

Hadiah Mingguan untuk 80 pemenang (10 pemenang seminggu):

Jongkong Emas HABIB 999.9 (5g)

Hadiah Sagu Hati Mingguan untuk 144 pemenang (18 pemenang seminggu):

Bekalan 6 bulan Friso® Gold (1.2kg)

4. Hadiah yang digunakan/diambil adalah atas tanggungan risiko Pemenang sendiri, dan Penganjur dengan ini adalah dikecualikan terhadap semua tanggungan dan liabiliti yang berkaitan dengan Hadiah setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang.

5. Pemenang akan dimaklumkan mengenai tarikh, lokasi dan masa kutipan hadiah melalui e-mel selepas maklumat yang diberikan oleh pemenang telah disahkan oleh Penganjur. Pemenang perlu memastikan bahawa pemegang dan platform media sosial mereka dikemas kini dan tepat.

6. Hadiah mesti dipungut sendiri oleh Pemenang. Semua hadiah yang tidak dituntut akan dibatalkan oleh Penganjur dalam tempoh SEMBILAN PULUH (90) hari selepas tarikh Pengumuman Pemenang. Penganjur berhak untuk menentukan bagaimana Hadiah yang tidak dituntut akan diuruskan.

7. Jumlah nilai keseluruhan hadiah dianggarkan hampir RM600,000. Nilai ini mungkin tertakluk kepada perubahan atas faktor yang berada di luar kawalan Penganjur, seperti turun naik harga pasaran emas dan perubahan kos perjalanan.

8. Hadiah Utama hanya meliputi kos penginapan, pakej pelancongan dan tiket penerbangan pergi balik antarabangsa. Kos makan, perbelanjaan peribadi, insurans perjalanan dan kos peribadi lain yang ditanggung semasa lawatan, penerbangan atau penginapan adalah tidak termasuk dalam Hadiah Utama.

9. Dalam hal-hal yang berkaitan dengan Peraduan ini, Penganjur mempunyai hak penuh untuk membatalkan Hadiah jika terdapat;

- Duplikasi Pemenang
- Duplikasi Resit
- Kegagalan untuk memberikan butiran untuk pengesahan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

10. Tanpa mengetepikan yang di atas, setelah menerima Penyertaan dan/atau selepas pemilihan Pemenang, mengikut mana-mana yang berkenaan, Penganjur berhak untuk meminta bukti lanjut untuk tujuan pemprosesan Penyertaan termasuk salinan cetak resit asal ("Bukti Pembelian") dan dokumen pengenalan diri untuk pengesahan sebelum penghantaran Hadiah dilakukan. Kegagalan untuk mengemukakan mana-mana dokumen di atas dalam tempoh masa yang ditetapkan akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan pelucutan hak ke atas Hadiah.

11. Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku pada Hadiah semasa proses penghantaran. Sebarang kos tambahan lain (seperti, perbelanjaan perjalanan, kos pengangkutan, duti dan cukai) yang timbul bagi tujuan penebusan atau pungutan Hadiah akan ditanggung sendiri oleh Pemenang.

12. Sekiranya terdapat kecacatan pembuatan kepada Hadiah, Pemenang mesti memulangkan hadiah kepada Penganjur dengan kos sendiri, dalam keadaan tidak rosak dan masih berada dalam pembungkusan asalnya untuk penggantian dalam tempoh DUA (2) minggu dari tarikh penghantaran Hadiah. Jika Pemenang gagal berbuat demikian, maka Hadiah tersebut tidak akan diganti. Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk menggantikan mana-mana Hadiah yang dipamerkan dengan hadiah lain yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa mengeluarkan notis terlebih dahulu. Tiada alternatif tunai atau bayaran balik akan ditawarkan.

13. Penganjur berhak untuk menentukan bagaimana Hadiah yang tidak dikutip akan diuruskan.

Pengiraan Hadiah Bekalan 6 Bulan Friso® Gold (1.2kg)

| Estimated Consumption Guide* | | |
|------------------------------|-----------|------------------------|
| Step | Pack Size | Number of Serving Days |
| 3 | 600g | 6 days |
| | 900g | 10 days |
| | 900g x 3 | 30 days |
| | 1.2kg | 13 days |
| | 1.2kg x 3 | 40 days |
| | 1.2kg x 6 | 80 days |
| *Based on 3 feedings per day | | |
| Step | Pack Size | Number of Serving Days |
| 4 | 600g | 10 days |
| | 900g | 15 days |
| | 900g x 3 | 45 days |
| | 1.2kg | 20 days |
| | 1.2kg x 3 | 60 days |
| | 1.2kg x 6 | 120 days |
| *Based on 2 feedings per day | | |

• Bekalan 6 bulan hadiah Friso® Gold dikira berdasarkan panduan penggunaan anggaran 3 hidangan sehari untuk Friso® Gold Langkah 3 dan 2 hidangan sehari untuk Friso® Gold Langkah 4.

• Terdapat sejumlah 14 pek Friso® Gold Step 3 (1.2kg) untuk diberikan kepada setiap pemenang (hadiah akan diberikan berdasarkan produk yang dibeli dalam penyerahan pemenang). Setiap Friso® Gold Step 3 (1.2kg) pek Friso® Gold meliputi 13 hari hidangan.

• Pengiraan untuk penggunaan tahunan adalah dengan membahagikan pengambilan harian dengan 365 hari (365/13). Ini menghasilkan 28 unit Friso® Gold Step 3 (1.2kg) untuk tahun tersebut.

• Terdapat sejumlah 14 pek Friso® Gold Step 4 (1.2kg) untuk diberikan kepada setiap pemenang (hadiah akan diberikan berdasarkan produk yang dibeli dalam penyerahan pemenang). Setiap pek Friso® Gold Step 4 (1.2kg) Friso® Gold meliputi 20 hari hidangan.

• Pengiraan untuk penggunaan tahunan adalah dengan membahagikan pengambilan harian dengan 365 hari (365/20). Ini menghasilkan 18 unit Friso® Gold Step 4 (1.2kg) untuk tahun tersebut.

Hak Penganjur

1. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap:

1.1. Sebarang masalah, kehilangan atau kerosakan dalam apa jua bentuk yang dialami oleh mana-mana pihak disebabkan oleh sebarang kelewatan dan/atau kegagalan dalam menyusun penyertaan akibat daripada sebarang kesilapan rangkaian, komunikasi atau sistem, gangguan dan/atau kegagalan yang dialami oleh talian internet yang mengambil bahagian dalam Peraduan. Sekiranya berlaku kesilapan, gangguan dan/atau kegagalan tersebut, Penganjur tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kegagalan oleh mana-mana Peserta untuk menyertai Peraduan pada bila-bila masa sekalipun.

1.2. Sebarang masalah, kerosakan atau kehilangan dalam apa jua bentuk kepada mana-mana Peserta atau wakil mereka yang diberi kuasa akibat daripada penyertaan mereka dalam Peraduan; dan

1.3. Sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kecacatan, kelewatan dalam operasi atau transmisi, kegagalan talian internet, kecurian, pemusnahan, atau akses tanpa kebenaran kepada Penyertaan yang timbul semasa operasi atau penghantaran akibat daripada fungsi pelayan, virus, pepijat atau sebab lain di luar kawalannya.

2. Peserta juga mesti bersetuju bahawa Penganjur tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kelewatan, kecederaan atau kerosakan pada Peserta dan/atau mana-mana komputer, sistem komputer atau peralatan pihak ketiga yang berkaitan dengan atau akibat daripada akses kepada, penyertaan dalam Peraduan ini, termasuk memainkan, memuat turun sebarang bahan atau maklumat daripada Laman Web yang berkaitan dengan Peraduan ini, penyerahan untuk Peraduan ini, termasuk tanpa mengehadakan mana-mana kegagalan pelayan, kehilangan, kelewatan atau kerosakan data dan lain-lain kegagalan.

3. Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk membatalkan kelayakan mana-mana individu yang dianggap mengganggu proses penyertaan atau pengendalian Peraduan, bertindak melanggar atau berpotensi untuk melanggar Terma & Syarat Peraduan yang terkandung di sini.

4. Penganjur berhak untuk membatalkan, mengubah suai, menggantung atau menangguhkan Peraduan sekiranya berlaku keadaan yang tidak dijangka di luar kawalan munasabah.

5. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju untuk memberikan maklumat peribadi mereka, dan Penganjur berhak untuk menerbitkan dan/atau menggunakan nama dan/atau gambar Peserta serta penyertaan mereka untuk tujuan pengumuman pemenang, publisiti, pengiklanan dan/atau perdagangan tanpa memberikan pampasan atau notis lanjut, dan setiap Peserta tidak berhak untuk membuat tuntutan ke atas penyertaan mereka yang diguna pakai oleh Penganjur.

6. Semua penyertaan mestilah sesuai untuk diterbitkan di mana-mana rangkaian sosial awam. Kandungan provokatif, politik, menyinggung perasaan atau boleh dipersoalkan tidak akan diterima. Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya terhadap kriteria penyertaan dengan kandungan yang tidak sesuai.

7. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat Peraduan ini dan keputusan Penganjur.

8. Penganjur berhak untuk menukar, meminda, memadam, atau menambah Terma & Syarat ini tanpa notis awal pada bila-bila masa, dan Peserta akan terikat dengan perubahan tersebut.

9. Penganjur mengumpul maklumat peribadi yang boleh dikenal pasti untuk menyediakan perkhidmatan atau untuk menghubungi anda. Maklumat ini disimpan dalam cara yang sesuai dengan sifat data oleh Penganjur dan digunakan untuk memenuhi permohonan anda. Dengan menyerahkan maklumat peribadi anda, kami menganggap bahawa kebenaran diberikan kepada Penganjur dan/atau ejennya yang diberi kuasa untuk menggunakan maklumat ini bagi tujuan pemasaran dan promosi masa kini dan masa hadapan serta untuk menambah baik produk dan perkhidmatannya. Jika anda memaklumkan Penganjur melalui Careline di 1800-81-3854 atau di frisogoldcareline@frieslandcampina.com bahawa maklumat di atas tidak boleh digunakan sebagai asas untuk menghubungi selanjutnya, maka Penganjur akan menghormati permohonan anda. Maklumat anda tidak akan diberikan atau dikongsi dengan syarikat atau rakan kongsi lain untuk kegunaan bebas mereka. Untuk Notis Pematuhan Akta Perlindungan Data Peribadi penuh Penganjur, sila rujuk laman web Penganjur di <https://www.frisogold.com.my/privacy-policy>

10. Terma & Syarat Peraduan disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia.